

26/02/2005

Pelbagai acara nanti pengunjung

PUTRAJAYA: Apa kata anda berkunjung ke Putrajaya pada Sabtu dan Ahad ini. Pelbagai kegiatan diadakan termasuk hari bertemu pelanggan anjuran beberapa jabatan dan agensi.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) misalnya mengadakan majlis Hari Bertemu Pelanggan di ruang lobi, Aras 1, Blok C7, Parcel D dengan pelbagai aktiviti mulai jam 9 hingga 12 tengah hari, Sabtu ini.

Antaranya pendaftaran pemilih, penjualan peta dan buku terbitan SPR, kaunter semakan daftar pemilih dan tayangan video pilihan raya.

Bersebelahannya pula diadakan program bertemu pelanggan Kementerian Pelajaran di Ruang Legar Auditorium Kompleks Kerajaan Parcel E, Putrajaya mulai jam 9 pagi hingga 12 tengah hari

Pada petang Sabtu pula diadakan acara fund fair mengisi Tabung Bencana Negara disertai selebriti Aznil Nawawi, Farihin, Raihan, KRU dan Adibah Nor, di atas Jambatan Putra, berhampiran Masjid Putra mulai jam 4 petang.

Orang ramai boleh membeli barangan peribadi milik Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada acara lelong mengisi tabung itu.

Orang perseorangan, agensi kerajaan dan swasta juga boleh menempah ruang niaga atau pameran bagi acara jualan, pameran dan jumble sale. Mereka yang berminat hubungi talian 03-88877014/7033.

(END) Source : Berita Harian